


Selain berjaya beri semangat baru

CHOGM

capai

beberapa

keputusan penting



ZIMBABWE 1991

Daripada
Rosli Ismail

HARARE 22 Okt. -- Persidangan Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) selama enam hari yang berakhir di sini malam tadi telah membuat beberapa keputusan penting selain dari berjaya member-i semangat baru kepada pertubuhan 50 negara bekas tanah jajahan British itu.

Masih terpenting dari CHOGM ke-28 ini ialah ke'ayaan ketua - ketua kerajaan sebulat suara sepakat untuk memb-a aru dan meningkatkan peranan Komanwel untuk menjadikannya sebuah institusi yang memberi faedah kepada negara anggotanya serta dunia amnya.

Semangat baru itu yang diterjemahkan melalui Deklarasi Komanwel Harare yang dieluarkan petang semalam dikatakan akan menjadikan Komanwel lebih 'bertenaga' untuk menjalankan program - program untuk kepentingan anggota dan berdiri sama tinggi dengan pertubuhan - pertubuhan antarabangsa lain.

Deklarasi yang mengandungi 13 perkara itu antara lain meliputi soal kerjasama antara negara anggota, bantuan kerana anggota maju kepada yang miskin, pengukuhan demokrasi dan hak asasi serta pemeliharaan alam sekitar.

Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku yang menyifatkan deklarasi itu satu dokumen bersejarah bagi Komanwel berkata semua kata - kata yang terkandung dalamnya akan diterjemahkan dalam bentuk tindakan oleh semua negara anggota.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Peringkat Tertinggi (HLAG) Komanwel yang ditugaskan menilai semula penman Komanwel dan merumuskan draf deklarasi itu berpuas hati kerana kandungan deklarasi itu adalah selaras dengan pendirian Malaysia ke atas beberapa isu khususnya soal demokrasi dan hak asasi.

Beliau berkata, perkara berkenaan sang-at penting kerana jika istilah hak asasi dan demokrasi tidak ditetapkan dengan betul ia boleh mendatangkan kesan buruk ke atas negara - negara yang dicap tidak demokratik khususnya dari segi mendapat bantuan.

Ini adalah kali pertama dalam sejarah Komanwel ia mengambil langkah menilai semula peranannya.

CHOGM kali ini yang paling ramai dihadiri oleh para ketua kerajaan yang mengetua loih satu perempat penduduk dunia juga telah meluluskan cadangan supaya dimansuhkan sekatan hubungan rakyat dengan rakyat ke atas Afrika Selatan.

Cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Menteri Luar Komanwel mengenai Afrika Selatan itu antara lain akan membolehkan hubungan udara diadakan, rakyat negara Komanwel bebas melawat Afrika Selatan.

Seperti yang dijangkakan para ketua kerajaan menerima saranan jawatankuasa berkenaan mengaitkan soal sekatan dengan perubahan - perubahan ke arah menamatkan sistem aparteid di Afrika Selatan.

Bagaimanapun sekatan - sekatan utama seperti senjata, ekonomi termasuk perdagangan dan pelaburan akan dikekalkan dan hanya akan dimansuhkan sekiranya syarat - syarat yang ditetapkan dipenuhi.

Perdana Menteri Britain, John Major nampaknya sependirian dengan bekas Perdana Menteri Puan Margaret Thatcher yang mahu sekatan ekonomi dan perdagangan dimansuhkan kerana merasakan ia menyekat usaha membebaskan negara itu dari sistem aparteid.

Dalam usaha untuk membantu menamatkan sege- ra sistem aparteid di Afrika Selatan yang sekian lama menjadi isu duri dalam daging Komanwel ia telah memutuskan untuk menghantar Setiausaha Agung Chief Emeka Anyaoku ke Afrika Selatan untuk mencari jalan mempercepatkan proses rundingan antara rejim Pretoria dengan kumpulan - kumpulan pejuang pembebasan.

Dato' Sri Dr. Mahathir selaku Pengerusi HLAG telah diberi mandat menyambung tugas yang berfungsi khusus untuk membantu usaha menamatkan sistem aparteid di Afrika Selatan.

Zimbabwe dilantik menjadi anggota baru HLAG mengenai Afrika Selatan itu menjadikan anggotanya sekarang semua 11. Sebelum ini HLAG mempunyai 10 anggota.

Selain dari itu Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel juga telah menerima cadangan HLAG bagi meng- acakan pemerhati pilihanraya untuk mengawasi pili- hanraya yang diadakan di negara - negara anggota.

Dalam pada itu secara keseluruhannya sidang kali ini jelas lebih dikuasai oleh perhatian ke atas isu hak asasi manusia dan demokrasi.

Perdebatan berkisar ke atas penentuan kayu ukur hak asasi dan demokrasi kerana terdapat percang- gahan pandangan antara negara anggota yang maju seperti Canada dengan negara - negara anggota sedang membangun dan miskin.

Sekalipun CHOGM ini berlangsung di sebuah ne- gara yang bersedudukan dengan Afrika Selatan tetapi isu berkenaan tidak begitu menonjol berbanding dengan sidang-sidang CHOGM kebelakangan ini.

Malah kehadiran tokoh pejuang pembebasan Afri- ka Selatan Nelson Mandela sendiri di sidang kali ini tidak menarik ketua - ketua kerajaan bersuara lebih lantang dari membuat kenyataan - kenyataan yang biasa kedengaran sebelum ini.